

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. PUAN ALICE LAU KIONG YIENG  
[ LANANG ]

**TARIKH :** 20.5.2015

**SOALAN :**

Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah benar Pusat Perubatan Universiti Malaya hanya diberi peruntukan RM387 juta pada tahun 2015 iaitu RM120 juta kurang daripada peruntukan pada tahun 2014 seperti yang didakwa oleh Dekan Fakulti Perubatan Universiti Malaya Profesor Adeeba Kamaruzaman dalam laporan The Malaysian Insider (<http://www.themalaysianinsider.com/malaysia/article/ummcs-rm120-million-budget-cut-threatens-patient-care-training>) dan adakah peruntukan hospital pengajaran lain juga dikurangkan serta apakah alasan pengurangan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Mengurus Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM492 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM407 juta adalah sumbangan kerajaan dan baki sebanyak RM85 juta ditampung dari sumber dalaman dan baki rezab tahun 2014.

Pemotongan bajet PPUM adalah akibat rasionalisasi peruntukan mengurus Kementerian Kewangan yang keseluruhannya berjumlah RM5.5 bilion dan melibatkan pelbagai Kementerian termasuk KPM. Dalam hal ini, peruntukan mengurus PPUM telah dijajarkan semula dan berkurang sebanyak **RM20.27 juta sahaja** dan bukannya RM120 juta seperti yang didakwa. Jumlah tersebut telah mengambil kira kemampuan kewangan PPUM berdasarkan kepada jumlah simpanan, aset cair dan tidak cair PPUM.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2015, Kementerian telah memberi peruntukan tambahan berjumlah RM35 juta kepada PPUM. Jumlah keseluruhan tambahan peruntukan tersebut adalah melebihi daripada jumlah yang terkurang akibat rasionalisasi bajet mengurus oleh Kerajaan.

RJM16